- 122 "Tempoh Tanpa Faedah" bermaksud tempoh dari tarikh pengeposan Transaksi Runcit baharu ke Akaun KAD VISA/MASTERCARD sehingga Tarikh Matang Pembayaran, yang mana tidak kurang daripada dua puluh (20) Hari Kalendar, dalam Penyata Akaun semasa dan hanya terpakai untuk Transaksi Runcit baharu seperti yang dinyatakan di atas;
- 123 "Pelan Pembayaran Ansuran" adalah bermaksud sebarang pelan atau kemudahan yang disediakan oleh pihak Bank untuk Ahli Kad sebagai pembayaran Transaksi Runcit secara ansuran bulanan mengikut sesuatu amaun tertentu untuk tempoh tertentu seperti dinyatakan dan diluluskan oleh pihak Bank dan yang tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran dan Caj Kewangan;
- 124 "MasterCard International" adalah bermaksud MasterCard International Incorporated, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware dan mempunyai pejabat dan alamat perniagaan utama di 2000 Purchase Street, Purchase, NY10577-2509, Amerika Syarikat di mana pihak Bank adalah ahli institusi tersebut;
- 125 "Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar" adalah bermaksud jumlah minima yang perlu dibayar oleh Ahli Kad sebagaimana yang ditunjukkan oleh Penyata Akaun;
- 126 "Tarikh Akhir Pembayaran" adalah tarikh yang ditunjukkan di dalam Penyata Akaun yang mana Baki Semasa atau Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar mesti dijelaskan oleh Ahli Kad;
- 127 "PIN" bermaksud nombor pengenalan peribadi enam (6) digit Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan;
- 128 "Terminal Tempat Jualan (POS)" bermaksud peranti yang diaktifkan secara manual atau elektronik untuk membaca dan/atau merekod data bagi setiap caj;
- 129 "Transaksi Runcit" adalah bermaksud untuk tujuan Perjanjian ini, kesemua transaksi pembelian barang- barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat dengan menggunakan KAD VISA/MASTERCARD;
- 130 "Draf Jualan" bermaksud slip-slip pembayaran, borang-borang atau kertas-kertas berkaitan yang dibekalkan oleh pihak Bank atau mana-mana ahli institusi Visa International atau MasterCard International kepada Pedangang yang Dibenarkan untuk tujuan merekodkan, mengesahkan dan membuktikan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dilakukan oleh Ahli Kad melalui penggunaan KAD VISA/MASTERCARD;
- 131 "Pusat Kualiti Perkhidmatan & Perhubungan" bermaksud tempat atau lokasi yang ditentukan oleh pihak Bank untuk mengendalikan perkhidmatan harian kad kredit;
- 132 "Tarikh Penyata" adalah bermaksud satu tarikh dalam sesuatu bulan yang telah ditentukan oleh pihak Bank sebagai tarikh kepada Penyata Akaun dan yang dicatatkan dalam Penyata Akaun;
- 133 "Penyata Akaun" bermaksud penyata berkala KAD VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad yang menunjukkan transaksi terperinci yang dibuat melalui penggunaan KAD

VISA/MASTERCARD, menunjukkan yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan, bayaran-bayaran yang dibuat oleh dan/atau kredit terhutang kepada Ahli Kad, Tarikh Akhir Pembayaran dan jumlah yang perlu dibayar dan terhutang oleh Ahli Kad;

- 1.34 "Tempoh Sah" adalah bermaksud tempoh sah yang ditentukan oleh pihak Bank dan dicetak di atas KAD VISA/MASTERCARD;
- 1.35 "KAD VISA/MASTERCARD" bermaksud sebarang KAD VISA atau MASTERCARD yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan termasuk KAD VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan secara gabungan atau bersama dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau KAD VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan di bawah mana-mana produk atau nama yang dipilih atau rujukan, dan sepertimana Klausula 13 di sini termasuk KAD VISA/MASTERCARD Tambahan;
- 1.36 "Akaun KAD VISA/MASTERCARD" bermaksud akaun atau akaun-akaun Ahli Kad yang dibuka dengan pihak Bank di mana semua bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad VISA/MASTERCARD, Pindahan Baki, Tunai Segera diluluskan, semua fi dan caj atau sebarang caj lain yang akan didebitkan;
- 1.37 "Visa International" adalah bermaksud Visa International Services Association, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware yang mempunyai pejabat utama di 3125 Clearview Way, San Mateo, CA94402, Amerika Syarikat yang mana pihak Bank adalah ahli institusi tersebut;
- 1.38 Perkataan-perkataan yang membawa maksud tunggal juga boleh membawa maksud jamak atau sebaliknya;
- 1.39 Perkataan-perkataan yang membawa maksud jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter dan sebaliknya;
- 1.40 Perkataan-perkataan yang terpakai kepada orang perseorangan adalah termasuk mana-mana badan atau orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau tidak diperbadankan, di mana berkenaan.

## **2. PENERIMAAN KAD VISA/MASTERCARD**

- 2.1 Ahli Kad dengan ini membenarkan pihak Bank untuk menghantar KAD VISA/MASTERCARD kepada Ahli Kad mengikut alamat dalam borang permohonan, dimana pihak Bank akan memastikan persetujuan diperolehi daripada Ahli Kad;
- 2.2 Sebaik sahaja menerima KAD VISA/MASTERCARD, Ahli Kad hendaklah menandatangani dengan serta-merta di atas Akaun Penerimaan dan mengembalikan Akaun Penerimaan tersebut kepada pihak Bank. Dengan menandatangani Akaun Penerimaan tersebut atau menggunakan KAD VISA/MASTERCARD, Ahli Kad telah mengesahkan persetujuannya untuk menerima, menerimapakai dan terikat kepada Perjanjian ini. Tandatangan dan/atau penggunaan KAD VISA/MASTERCARD adalah dianggap sebagai mengikat dan bukti yang muktamad tentang perjanjian Ahli Kad untuk terikat dengan Perjanjian ini;
- 2.3 Sekiranya Ahli Kad tidak ingin terikat dengan perjanjian ini, Ahli Kad hendaklah mengembalikan KAD VISA/MASTERCARD dengan serta-merta kepada pihak Bank dengan menebuk lubang dan memotong separuh merentangi kedua-dua cip SMART dan jalur magnetik.

## **3. KEMUDAHAN KAD VISA/MASTERCARD**

- 3.1 Sewaktu tempoh sah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penggunaan yang dinyatakan di sini

yang boleh dipinda, diubah suai dan ditukar oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya yang mutlak, KAD VISA/MASTERCARD memberikan hak kepada Ahli Kad untuk menggunakan kemudahan KAD VISA/MASTERCARD dengan pihak Bank dalam Had Kredit yang dibenarkan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada kebenaran nyata oleh pihak Bank untuk kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa;

- 32 Kemudahan KAD VISA/MASTERCARD yang disediakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
- 3.2.1 pembelian barang-barang dan/atau perkhidmatan dari mana-mana Pedagang yang Dibenarkan;
  - 3.2.2 Pendahuluan Tunai daripada mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan dan/atau ATM tertentu;
  - 3.2.3 mana-mana transaksi ATM yang dilakukan melalui mana-mana akaun Ahli Kad yang lain dengan pihak Bank;
  - 3.2.4 mana-mana kemudahan lain KAD VISA/MASTERCARD tertakluk kepada perancangan terdahulu dan persetujuan dari pihak Bank, sekiranya terpakai.
- 3.3 Dalam keadaan di mana kemudahan ATM telah digabungkan dengan KAD VISA/MASTERCARD yang membenarkan Ahli Kad untuk membuat transaksi perbankan (terhadap mana-mana akaun selain daripada Akaun KAD VISA/MASTERCARD) secara elektronik sama ada di ATM, Pemindahan Wang Secara Elektronik di Terminal Penjualan atau sebaliknya, kegunaan kemudahan berkenaan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terpakai kepada Alliance Debit Card/Debit Card-i pihak Bank yang dianggap sebagai penambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

#### **4. CARA PENGGUNAAN**

- 4.1 Pembelian kredit dari mana-mana Pedagang yang Dibenarkan menggunakan KAD VISA/MASTERCARD memerlukan Ahli Kad untuk menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Pedagang yang Dibenarkan atau dengan memasukkan PIN, kecuali pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dilakukan melalui pesanan pos atau telefon, terminal POS, Terminal Tanpa Sentuh, internet atau sebarang cara yang serupa;
- 4.2 Ahli Kad membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun KAD VISA/MASTERCARD untuk semua Transaksi Runcit yang dibuat atau dilaksana menggunakan KAD VISA/MASTERCARD dalam cara yang dinyatakan dalam Klausula 4. Kegagalan Ahli Kad untuk menandatangani mana-mana Draf Jualan atau memasukkan PIN tidak akan melepaskan Ahli Kad dari liabiliti kepada pihak Bank berkenaan dengan transaksi tersebut, sekiranya pihak Bank berpendapat bahawa kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh sifat transaksi atau kesilapan Ahli Kad dan/atau Pedagang yang Dibenarkan;
- 4.3 Untuk melaksanakan Pendahuluan Tunai menggunakan KAD VISA/MASTERCARD dari Saluran Tunai Dibenarkan, Ahli Kad mesti menandatangani Draf Pendahuluan Tunai yang disediakan oleh Saluran Tunai Dibenarkan atau dengan memasukkan PIN semasa penggunaan KAD VISA/MASTERCARD;
- 4.4 Untuk membuat Pendahuluan Tunai melalui ATM, Ahli Kad hendaklah menggunakan PIN untuk mendapat akses kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD;
- 4.5 Dalam keadaan di mana Ahli Kad menggunakan KAD VISA/MASTERCARD bagi tujuan transaksi yang berkaitan dengan perjudian yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian atau penukaran cip kasino, tiket loteri, slip pertaruhan, pertaruhan di luar gelanggang dan pertaruhan-pertaruhan yang dibuat ke atas tiket-tiket lumba atau dalam apa jua bentuk sekalipun, transaksi-transaksi sebegini akan dianggap sebagai Pendahuluan Tunai dan fi Pendahuluan Tunai sepertimana yang diperuntukkan di dalam Klausula 11.4 akan

dikenakan oleh pihak Bank;

- 4.6 Walaubagaimanapun, pihak Bank berhak menamatkan kemudahan kredit dengan serta-merta sekiranya Ahli Kad didapati menggunakan KAD VISA/MASTERCARD untuk kegiatan haram seperti perjudian melalui laman web yang melanggar undang-undang atau untuk pembayaran bagi mana-mana pembelian yang melanggar undang-undang;
- 4.7 Dalam keadaan di mana Ahli Kad telah menurut dan mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, pihak Bank akan membeli dari Pedagang yang Dibenarkan dan/atau Pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan atau daripada mana-mana ahli institusi Visa International atau MasterCard International semua Draf Penjualan dan Draf Pengeluaran Tunai yang telah dilakukan oleh Ahli Kad dan mendebitkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD;
- 4.8 Walaupun terdapat peruntukan dalam Klausa 4.1 dan/atau 4.3 di atas, Ahli Kad dengan ini membenarkan pihak Bank untuk mencajkan ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD bayaran-bayaran kepada Pedagang yang Dibenarkan dan/atau kepada Pusat Pengeluaran Tunai sebagaimana yang dibuktikan dengan Draf-draf Penjualan atau Draf-draf Pengeluaran Tunai. Ahli Kad tidak akan bertanggungjawab untuk urusan-urusan tanpa izin melainkan pihak Bank dapat membuktikan Ahli Kad:
- 4.8.1 bertindak penipuan;
  - 4.8.2 melengahkan pemberitahuan kepada pihak Bank setelah mengetahui kehilangan atau penggunaan kad yang tidak dibenarkan;
  - 4.8.3 kecuaiannya pihak Ahli Kad mendedahkan PIN kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan kad kredit dengan sukarela;
  - 4.8.4 PIN yang direkodkan pada kad kredit atau terletak berdekatan;
  - 4.8.5 meninggalkan kad kredit tanpa pengawasan.
- 4.9 Amaun pra-kebenaran sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) diperlukan untuk pam-pam layan- diri. Amaun Pra-kebenaran akan di tahan sementara dari had kredit tersedia dalam akaun KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad sebelum petrol diisi. Amaun Pra-kebenaran akan dilepaskan dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dan amaun sebenar untuk transaksi petrol akan didebitkan dari Akaun KAD VISA/MASTERCARD anda;
- 4.10 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua kehendak, petunjuk, arahan dan garis panduan berkenaan dengan penggunaan KAD VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua kemudahan dan perkhidmatan KAD VISA/MASTERCARD yang diberikan kepada Ahli Kad.

## **5. KERAHSIAAN PIN**

- 5.1 PIN adalah sulit dan hendaklah disimpan dengan selamat pada setiap masa oleh Ahli Kad dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa dalam apa jua keadaan atau sebab sekalipun. Ahli Kad hendaklah:
- 5.1.1 Tandatangani KAD VISA/MASTERCARD sebaik sahaja kad diterima dan mematuhi sebarang arahan keselamatan;
  - 5.1.2 gunakan PIN yang susah yang mana sukar untuk diteka atau ditiru;
  - 5.1.3 lindungi KAD VISA/MASTERCARD, PIN dan sebarang butir keselamatan KAD VISA/MASTERCARD;
  - 5.1.4 tidak memilih PIN atau menggunakan PIN dengan cuai atau melulu yang akan menyumbang kepada atau menyebabkan kerugian dari sebarang transaksi tidak dibenarkan dari penggunaan KAD VISA/MASTERCARD oleh mana-mana pihak ketiga;
  - 5.1.5 musnahkan sebarang pemberitahuan PIN atau butir keselamatan KAD VISA/MASTERCARD dan jangan dedahkan PIN kepada orang lain termasuk pihak polis dan kakitangan Bank;
  - 5.1.6 jangan benarkan orang lain untuk melihat PIN anda apabila anda memasukkan PIN atau semasa PIN dipaparkan; dan

5.1.7 maklumkan pihak Bank dengan segera (secara lisan atau bertulis) apabila mendapati PIN telah terdedah, digunakan atau diketahui oleh pihak ketiga dan memotong separuh KAD VISA/MASTERCARD merentasi jalur magnetik dan cip untuk memastikan kad benar-benar rosak.

52 Sekiranya PIN telahpun dibongkar atau didedahkan atau dikompromi dalam apa jua keadaan atau sekiranya Ahli Kad terlupa PINnya, Ahli Kad dengan ini mengaku janji untuk memberitahu pihak Bank secara lisan dan bertulis dengan serta-merta dan mengembalikan KAD VISA/MASTERCARD kepada pihak Bank, dengan menebuk lubang dan memotong separuh merentangi kedua-dua cip SMART dan jalur magnetic;

53 Setelah pemulangan KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad untuk pembatalan sepertimana yang diperuntukkan dalam Klausula 5.3 atau setelah terdapat kehilangan atau kecurian KAD VISA/MASTERCARD, pihak Bank mengikut budi bicaranya yang mutlak boleh mengeluarkan satu KAD VISA/MASTERCARD gantian kepada Ahli Kad. Sebarang gantian KAD VISA/MASTERCARD adalah tertakluk kepada fi penggantian KAD VISA/MASTERCARD sebagaimana yang tercatat di dalam Klausula 11.8.

## 6. PULANGAN TUNAI TAHUNAN

### PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG E-HAILING

6.1.1 Perkhidmatan ini beroperasi mulai 21hb Oktober;

6.1.2 Perkhidmatan ini hanya ditawarkan kepada Ahli Kad Visa Signature;

6.1.3 Dua perjalanan lapangan terbang e-hailing percuma bernilai RM80 setiap perjalanan bagi perbelanjaan runcit RM120,000 ke atas setahun. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Utama pada bulan berikutnya, setelah selesai tahun kalendar.

6.1.4 Perbelanjaan runcit adalah gabungan Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan dari 1 Januari hingga 31 Disember, yang disiarkan pada Penyata Kad Kredit;

6.1.5 Kemudahan ini merangkumi perkhidmatan e-hailing tempatan and luar negara.

### PULANGAN TUNAI TAMBAHAN

6.1.6 Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan ke dalam Kad Kredit Visa Signature Alliance Privilege tertakluk kepada memenuhi syarat perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM120,000 setahun. Pulangan Tunai Tambahan diberikan kepada Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege secara berperingkat berdasarkan jumlah purata tahunan Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") berdasarkan Jadual 1 di bawah. Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege dikehendaki mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM120,000 setahun ditakrifkan sebagai perbelanjaan runcit terkumpul dalam tempoh 12 bulan setelah selesai tahun kalendar dan merujuk kepada jumlah perbelanjaan runcit kedua-dua kad utama dan tambahan Visa Signature Alliance Privilege. Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Utama pada bulan berikutnya, setelah selesai tahun kalendar.

**Jadual 1**

<b>Peringkat</b>	<b>Kadar Pulangan Tunai Tambahan</b>	<b>Purata Tahunan Aset Di Bawah Pengurusan (RM)</b>
1	0.5%	300,000 ke atas
2	1.0%	500,000 ke atas
3	2.0%	RM1 juta ke atas
4	3.0%	RM3 juta ke atas

### Gambaran Pulangan Tunai Tambahan

**Contoh 1** - Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM dan mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Jumlah perbelanjaan runcit ialah RM120,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	1.0 juta	1.5 juta	1.5 juta	1.5 juta	1.5 juta	2.0 juta	2.5 juta	2.5 juta	2.5 juta	2.5 juta	2.7 juta	2.9 juta

Purata tahunan AUM	RM 2,050,000
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	2.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 120,000
Pulangan Tunai Tambahan	RM 2,400

**Contoh 2** - Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege ialah pelanggan Alliance Privilege baru dalam bulan September yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM dan mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Jumlah perbelanjaan runcit ialah RM200,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	-	-	-	-	-	-	-	-	300,000	500,000	800,000	1.1 juta

Purata tahunan AUM	RM 675,000
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	1.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 200,000
Pulangan Tunai Tambahan	RM 2,000

**Contoh 3** - Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM tetapi tidak mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Jumlah perbelanjaan runcit ialah RM300,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	1.0 juta	-	-

Purata tahunan AUM	RM 833,333
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	1.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 300,000
Pulangan Tunai Tambahan	Tiada

**Contoh 4** - Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang tidak memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM tetapi mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Jumlah perbelanjaan runcit ialah RM150,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	200,000	1.0 juta	300,000	500,000	50,000	300,000	20,000	30,000	500,000	25,000	20,000	350,000

Purata tahunan AUM	RM 274,583
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	Tiada
Perbelanjaan runcit setahun	RM 150,000
Pulangan Tunai Tambahan	Tiada

## 7. TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 7.1 Ahli Kad sedia maklum bahawa VISA tertentu yang dikeluarkan oleh pihak Bank akan mempunyai ciri-ciri yang dikenali sebagai Visa payWave yang membolehkan VISA digunakan untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuh di mana-mana Terminal POS yang memaparkan logo Visa payWave;



- 7.2 *Setiap Transaksi Tanpa Sentuh dihadkan kepada RM250 atau sebarang jumlah lain yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Dalam kes dimana Transaksi Tanpa Sentuh telah melebihi ambang RM250 untuk setiap Transaksi Tanpa Sentuh, Ahli Kad dikehendaki untuk menandatangani Draf Jualan transaksi yang dijana dari Terminal POS atau dengan memasukkan PIN di Terminal POS;*
- 7.3 *Jika Transaksi Tanpa Sentuh melebihi Had Tanpa Sentuh Terkumpul, Ahli Kad masih boleh membuat pembayaran dengan memasukkan KAD VISA ke dalam Terminal POS dan memasukkan PIN atau menandatangani Draf Jualan transaksi. Apabila PIN telah disahkan atau tandatangan sedang disahkan, Draf Jualan transaksi akan dikeluarkan setelah kebenaran diberikan;*
- 7.4 *Transaksi Tanpa Sentuh adalah tertakluk kepada Had Kredit sedia ada.*

## **8. AKAUN KAD VISA/MASTERCARD**

- 8.1 *Pihak Bank hendaklah mengemukakan kepada Ahli Kad Penyata Akaun bulanan (untuk akaun yang aktif sahaja) yang menunjukkan, antara lain, jumlah keseluruhan terkumpul Akaun KAD VISA/MASTERCARD, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, pengeluaran tunai, fi-fi dan caj-caj yang dilakukan oleh Ahli Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai kerajaan yang dikenakan, bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad dan/atau sebarang nota kredit/baucar dikeluarkan yang memihak kepada Ahli Kad;*
- 8.2 *Semua rekod dan catatan dalam Penyata Akaun KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad dengan pihak Bank seperti yang dipaparkan dalam Penyata Akaun bulanan adalah dianggap betul dan mengikat ke atas Ahli Kad melainkan notis lisan melalui telefon diterima yang menyangkal penyata tersebut atau notis bertulis yang disampaikan melalui pos, transmisi faksimili atau pos elektronik yang menyatakan sebaliknya diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun;*
- 8.3 *Setelah menerima pemberitahuan daripada Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 8.2, pihak Bank boleh, sekiranya berpuas hati, membuat pelarasan dan pembedahan yang diperlukan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan syarat operasi sub- klausula tidak boleh dalam apa-apa cara menjejaskan.*
- 8.3.1 *tanggungjawab Ahli Kad untuk membuat bayaran di bawah Klausula 10 di sini; dan*
- 8.3.2 *kewajipan pihak Bank untuk mengkredit atau mengdebit Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan sebarang jumlah yang mungkin terhutang kepada atau dari Ahli Kad.*

## **9. HAD KREDIT**

- 9.1 *Pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya akan menetapkan Had Kredit Ahli Kad dengan pihak Bank dari semasa ke semasa untuk tujuan Perjanjian ini;*
- 9.2 *Ahli Kad dengan ini mengaku janji akan mematuhi Had Kredit dan tidak akan menyebabkan jumlah agregat yang mana beliau bertanggungjawab di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD pada mana-mana satu Tempoh Pernyataan melebihi Had Kreditnya. Dalam keadaan ini, Ahli Kad bersetuju secara nyata bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang tugas atau tanggungjawab untuk memastikan Had Kredit Ahli Kad tidak dilampaui;*
- 9.3 *Ahli Kad mengaku janji untuk menyelesaikan semua jumlah yang melebihi Had Kreditnya dengan serta-merta setelah menerima Penyata Akaun dan/atau apa-apa notis bertulis lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;*
- 9.4 *Dalam keadaan di mana Ahli Kad mengendalikan dua atau lebih Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan pihak Bank, atau dalam keadaan di mana terdapat pemegang kad utama dan pemegang kad tambahan bagi KAD VISA/MASTERCARD, pihak Bank boleh, sama ada memberikan Had Kredit yang berasingan kepada*

setiap Akaun KAD VISA/MASTERCARD ataupun Had Kredit yang digabungkan yang menunjukkan jumlah Had Kredit yang merangkumi penggunaan kad-kad kredit yang dipegang oleh Ahli Kad dan pemegang kad tambahannya, jika ada;

- 9.5 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa tanpa menjejaskan hak pihak Bank pada bila-bila, pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya dan dengan notis kepada Ahli Kad untuk membataskan, menghadkan, peningkatan (tertakluk kepada perjalanan penilaian kemampuan seperti yang ditetapkan oleh garis panduan Bank Negara Malaysia) atau mengurangkan had kredit Ahli Kad dan/atau had kredit yang diberikan kepada satu atau lebih Ahli Kad atau dengan penahanan kredit atau sebaliknya menamatkan penggunaan KAD VISA/MASTERCARD dan/atau Akaun KAD VISA/MASTERCARD walaupun Akaun KAD VISA/MASTERCARD mungkin tidak lalai dalam sebarang bayaran yang kena dibayar.

## 10. PEMBAYARAN

- 10.1 Setelah menerima Penyata Akaun, Ahli Kad boleh memilih untuk membuat satu atau bayaran lain seperti berikut:
- 10.1.1 Baki tertunggak pada Tarikh Penyata KAD VISA/MASTERCARD seperti yang ditunjukkan di dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD yang terhutang dan kena dibayar pada Tarikh Akhir Pembayaran; atau
- 10.1.2 Bayaran Minimum Perlu Dibayar, iaitu:
- (a) Sekiranya baki tertunggak pada Tarikh Penyata Akaun KAD VISA/MASTERCARD berada dalam Had Kredit yang ditetapkan oleh pihak Bank, minimum lima peratus (5%) atau RM50.00 (yang mana lebih tinggi) daripada baki tertunggak dan sebarang bayaran minimum belum dibayar yang dinyatakan dalam sebelumnya Penyata Akaun sebelumnya, dan jumlah ansuran bulanan yang dikontrakkan bagi setiap Pelan Pembayaran Ansuran (IPP), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), Pemindahan Baki dan Tunai Segera yang didaftarkan bermula dari 2 Oktober 2019; atau
- (b) Sekiranya baki tertunggak pada Tarikh Penyata Akaun KAD VISA/MASTERCARD melebihi Had Kredit yang ditetapkan oleh pihak Bank, keseluruhan jumlah yang melebihi Had Kredit bersama dengan minimum lima peratus (5%) daripada baki tertunggak, sebarang bayaran minimum belum dibayar yang dinyatakan dalam Penyata Akaun sebelumnya, dan jumlah ansuran bulanan yang dikontrakkan bagi setiap Pelan Pembayaran Ansuran (IPP), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), Pemindahan Baki dan Tunai Segera yang didaftarkan bermula dari 2 Oktober 2019.
- 10.2 Penerimaan pihak Bank bagi pembayaran lewat atau sebahagian bayaran ditandakan sebagai pengganti bayaran penuh atau sebarang penepian hak oleh pihak Bank atau sebarang kelonggaran yang diberikan kepada Ahli Kad tidak boleh digunakan untuk menghalang pihak Bank dari menguatkuasa mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini untuk mengumpul amaun yang perlu dibayar di bawah ini dan penerimaan tersebut tidak boleh dijadikan sebagai persetujuan kepada pengubahsuaian sebarang Terma dan Syarat yang terkandung di sini dalam apa jua keadaan;
- 10.3 Kesemua bayaran oleh Ahli Kad kepada pihak Bank hendaklah dibuat dalam mata wang yang dibilkan dan tidak akan tertakluk kepada sebarang pemotongan sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolak selesai terhadap Pedagang yang Dibenarkan dan/atau pihak Bank. Pembayaran oleh Ahli Kad kepada pihak Bank tidak akan dianggap telah dibuat sehingga dana yang berkaitan dalam nilai jumlah wang tersebut diterima oleh pihak Bank;
- 10.4 Ahli Kad mengaku janji untuk membuat rancangan pembayaran yang sesuai bagi Akaun KAD VISA/MASTERCARDnya mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini sekiranya beliau berada di luar negara;
- 10.5 Pembayaran di bawah klausa ini boleh dibuat di Pusat Kualiti Perkhidmatan & Perhubungan atau di mana-mana cawangan pihak Bank atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh pihak Bank mengikut apa jua

cara pembayaran yang dibenarkan oleh pihak Bank.

## 11. FI DAN CAJ

11.1 Ahli Kad tidak akan menanggung sebarang Caj Kewangan ke atas Transaksi Runcit baru sepanjang Tempoh Bebas Faedah jika kesemua baki yang dibawa ke hadapan (tidak termasuk Pindahan Baki, Pelan Pembayaran Ansuran dan pelan-pelan kredit lain yang mungkin ditawarkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD) dari Penyata Akaun bulan terdahulu Ahli Kad yang telah dijelaskan sepenuhnya sebelum Tarikh Akhir Pembayaran.

Bagaimanapun, jika hanya Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar telah dibuat atau sebahagian bayaran baki tertunggak dibuat oleh Ahli Kad pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, Caj Kewangan ke atas Transaksi Runcit baru tersebut di atas akan dikenakan dari hari transaksi dipindah catat ke Akaun Kad VISA/MASTERCARD dan Caj Kewangan seumpamanya akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun pada bulan yang berikut;

11.2 Ahli Kad bersetuju untuk membayar dan membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan caj-caj berikut:

11.2.1 Tertakluk kepada Klausula 11.1 di atas, Caj Kewangan yang berkaitan dengan baki Transaksi tertunggak yang tidak dibayar sepenuhnya pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran pada kadar berikut (atau pada kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank dari semasa ke semasa), dikira dari tarikh Tarikh Matang Pembayaran penyata berikutnya sehingga pembayaran penuh dibuat:

	Rekod Pembayaran Ahli Kad	Kadar Faedah Runcit
Peringkat 1	Ahli Kad yang menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya selama 12 bulan berturut-turut;	15% p.a.
Peringkat 2	Ahli Kad yang menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya selama 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan;	17% p.a.
Peringkat 3	Ahli Kad yang tidak berada dalam mana-mana kategori di atas.	18% p.a.

11.2.2 Caj Kewangan untuk Pendahuluan Tunai pada kadar lapan belas peratus (18%) setahun (atau pada kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa), dikira dari tarikh wang tunai dikeluarkan sehingga pembayaran balik dibuat sepenuhnya.

Formula yang digunakan untuk mengira Caj Kewangan ( $f$ ) atas Pendahuluan Tunai dan juga terhadap baki yang tertunggak adalah seperti berikut:

$$f = (B) \times (P/D) \times (R)$$

$$F = \text{SUM}(f)$$

$F$  adalah jumlah Caj Kewangan bagi sesuatu bulan

$\text{Sum}(f)$  adalah jumlah semua Caj Kewangan yang dikira atas baki-baki yang berlainan yang mungkin dikenakan Caj Kewangan sepanjang tempoh yang terpakai dalam sesuatu bulan

$f$  adalah Caj Kewangan bagi baki tertentu " $B$ " yang dikira sepanjang tempoh hari " $P$ "

- B adalah baki yang dikenakan Caj Kewangan*
- P adalah tempoh faedah harian dimana Caj Kewangan dikenakan ke atas baki "B"*
- D adalah bilangan hari yang digunakan sebagai asas untuk kadar tahunan*
- R merupakan Kadar Caj Kewangan nominal tahunan kemudian lazim*
- 11.3 *Sekiranya Ahli Kad gagal membuat Bayaran Minimum Perlu Dibayar pada Tarikh Matang Pembayaran, Caj Bayaran Lewat sebanyak satu peratus (1%) ke atas Baki Semasa atau RM10, yang mana lebih tinggi (tertakluk kepada maksimum RM100), akan didebitkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD kedua-dua sebelum dan selepas sebarang Perintah Mahkamah atau Penghakiman sehingga penyelesaian penuh mengenainya dibuat;*
- 11.4 *Yuran Pendahuluan Tunai sebanyak 5.0% daripada jumlah yang didahulukan atau RM15.00, yang mana lebih tinggi, dicajkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD pada tarikh Pendahuluan Tunai dibuat;*
- 11.5 *Kesemua transaksi pertaruhan, termasuk pembelian tiket-tiket loteri dan cip-cip di kasino perjudian, pertaruhan di luar gelanggang dan pertaruhan-pertaruhan lain di gelanggang lumba akan dianggap sebagai transaksi Pendahuluan Tunai dan fi Pendahuluan Tunai yang berkenaan, Caj Kewangan dan/atau mana-mana caj pengendalian yang terpakai akan dikenakan terhadap transaksi tersebut;*
- 11.6 *Fi tahunan untuk KAD VISA/MASTERCARD (termasuk mana-mana KAD VISA/MASTERCARD tambahan) akan dikenakan apabila kad tersebut dikeluarkan atau diperbaharui. Fi tersebut akan didebitkan ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad apabila ianya perlu dibayar dan tidak akan dikembalikan;*
- 11.7 *Caj perkhidmatan pada kadar yang akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa akan dikenakan terhadap Ahli Kad untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Bank berkaitan atau berpunca daripada satu ataupun lebih daripada perkara-perkara berikut:*
- 11.7.1 *permintaan untuk pengeluaran salinan fotostat dan/atau salinan asal Draf Penjualan dan dokumen-dokumen lain;*
- 11.7.2 *gantian untuk KAD VISA/MASTERCARD yang hilang atau dicuri.*
- 11.8 *Semua yuran, duti setem dan kos dan perbelanjaan atau apa jua yang berkaitan dengan KAD VISA/MASTERCARD apabila diminta perlu dibayar oleh Ahli Kad dan pihak Bank berhak untuk (tetapi tidak semestinya) pada bila-bila masa dengan notis terdahulu kepada Ahli Kad untuk mendebitkan akaun Ahli Kad dengan pihak Bank;*
- 11.9 *Yuran guaman (atas dasar Peguamcara dan Klien) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank untuk menguatkuasakan hak-hak pihak Bank di bawah Perjanjian ini dan untuk menuntut wang yang terhutang oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD;*
- 11.10 *Ahli Kad bersetuju untuk membayar fi dan/atau caj lain-lain yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh pihak Bank dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad hendaklah keduanya terpakai;*
- 11.11 *Walaupun terdapat peruntukan-peruntukan di atas, pihak Bank memiliki budi bicara yang mutlak untuk menukar kadar fi, caj, Caj Kewangan, Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar dan/atau cara pengiraan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan penukaran sebegini akan dimaklumkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar melalui Penyata Akaun dan/atau melalui saluran elektronik atau bertulis untuk memastikan secara munasabah semua pemberitahuan dan/*

atau komunikasi kepada Pemegang Kad tepat pada masanya;

11.12 Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj dari pihak Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin akan dikenakan pada masa hadapan di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut dan di mana terpakai, pihak Bank berhak untuk menuntut kembali cukai tersebut daripada Ahli Kad.

## **12. PEMILIKAN KAD VISA/MASTERCARD**

12.1 KAD VISA/MASTERCARD adalah sah digunakan untuk tempoh yang ditentukan oleh pihak Bank sepertimana yang tercetak di atas KAD VISA/MASTERCARD kecuali ianya dibatalkan atas apa jua sebab sekalipun di dalam Perjanjian ini;

12.2 KAD VISA/MASTERCARD adalah hak milik Bank dan hendaklah dipulangkan kepada pihak Bank oleh Ahli Kad apabila diminta oleh pihak Bank;

12.3 KAD VISA/MASTERCARD tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh Ahli Kad hanya dibenarkan selaras dengan Terma dan Syarat di sini;

12.4 Ahli Kad tidak dibenarkan menggunakan KAD VISA/MASTERCARD tetapi hendaklah dengan segera memulangkannya, dipotong menjadi dua bahagian dan lubang ditumbuk melalui kedua-dua cip SMART dan jalur pita magnet (termasuk KAD VISA/MASTERCARD tambahan), kepada pihak Bank di sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:

12.4.1 apabila tamat Tempoh Sah KAD VISA/MASTERCARD;

12.4.2 apabila pembatalan, penamatan, penukaran dan penyerahan KAD VISA/MASTERCARD dilakukan oleh Ahli Kad;

12.4.3 apabila permohonan dibuat oleh pihak Bank untuk pengembalian KAD VISA/MASTERCARD;

12.4.4 apabila pembatalan, penarikan kembali dan penggantungan KAD VISA/MASTERCARD dilakukan oleh pihak Bank;

12.4.5 apabila KAD VISA/MASTERCARD ditemui semula selepas notis kehilangan atau kecurian kad tersebut telahpun diberikan;

12.4.6 apabila Ahli Kad diistiharkan muflis;

12.4.7 apabila Ahli Kad meninggal dunia atau menjadi tidak siuman;

12.4.8 PIN telah terbongkar atau terdedah atau dikompromi, sama ada secara sukarela ataupun sebaliknya kepada orang lain;

12.4.9 apabila Ahli Kad gagal untuk mengingati PIN;

12.4.10 apabila Ahli Kad memasuki skema pembayaran, pengaturan atau komposisi (sukarela atau sebaliknya) dengan pemiutang mana pun, atau jika Pemegang Kad telah mendapatkan perkhidmatan AKPK (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) untuk Bantuan;

12.4.11 pihak Bank secara rasmi membatalkan atau menghentikan penggunaan kad kredit tersebut disebabkan kemerosotan kredit Ahli Kad.

12.5 Ahli Kad hendaklah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan KAD VISA/MASTERCARD dan PIN selamat pada setiap masa, termasuk di kediaman Ahli Kad, ini termasuk tidak:

12.5.1 mendedahkan butiran KAD VISA/MASTERCARD atau PIN kepada sesiapa;

12.5.2 menulis PIN di atas KAS VISA/MASTERCARD atau pada sebarang barang yang disimpan berdekatan dengan KAD VISA/MASTERCARD;

12.5.3 menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Ahli Kad; dan

12.5.4 membenarkan orang lain untuk menggunakan KAD VISA/MASTERCARD dan PIN.

- 12.6 Pihak Bank tidak berkewajipan untuk mengeluarkan KAD VISA/MASTERCARD gantian kepada Ahli Kad sekiranya berlaku kehilangan, kecurian atau pencacatan kad. Sebarang penggantian KAD VISA/MASTERCARD akan tertakluk kepada yuran penggantian pada kadar yang ditetapkan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa;
- 12.7 Penggunaan KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk semua keperluan, arahan, peraturan dan garis panduan berkaitan dengannya yang dikeluarkan oleh pihak Bank, Visa International dan/atau MasterCard International, Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

### **13. KAD VISA/MASTERCARD TAMBAHAN**

- 13.1 Atas permintaan bersama oleh Ahli(-ahli) Kad utama KAD VISA/MASTERCARD dan Ahli Kad tambahan yang dinamakan oleh Ahli Kad utama, pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya boleh mengeluarkan KAD VISA/MASTERCARD tambahan kepada mana(-mana) orang yang dinamakan oleh Ahli Kad utama;
- 13.2 Ahli Kad tambahan untuk KAD VISA/MASTERCARD dengan ini bersetuju bahawa semua terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini hendaklah terpakai sepertimana ianya terpakai secara mutatis mutandis (dengan penukaran yang perlu) terhadap beliau;
- 13.3 Ahli Kad utama untuk KAD VISA/MASTERCARD adalah bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk semua jumlah dan bayaran-bayaran yang tertunggak dan terhutang kepada pihak Bank yang timbul daripada penggunaan KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad utama dan Ahli Kad tambahan;
- 13.4 Atas permintaan Ahli Kad utama, pihak Bank boleh bersetuju untuk memberikan Ahli Kad tambahan akses kepada akaun Ahli Kad utama (dalam apa bentuk sekalipun) dengan pihak Bank. Ahli Kad utama juga hendaklah secara nyata menetapkan sama ada Ahli Kad tambahan boleh diberi akses untuk penggunaan ATM;
- 13.5 KAD VISA/MASTERCARD tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Kad tambahan boleh dibatalkan atas permintaan Ahli Kad utama secara bertulis, dan KAD VISA/MASTERCARD tersebut dikembalikan kepada pihak Bank dengan menebuk lubang dan memotong separuh merentangi kedua-dua cip SMART dan jalur magnetik, dengan syarat pembatalan tersebut tidak akan mempengaruhi hak-hak dan pemunyaan, tugas- tugas dan kewajipan-kewajipan pihak Bank, Ahli Kad utama dan Ahli Kad tambahan sebelum pembatalan tersebut;
- 13.6 Semua jumlah caj kepada KAD VISA/MASTERCARD tambahan akan dipindahkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD pada Tarikh Penyata seterusnya. Oleh itu, Ahli(-ahli) Kad tambahan dapat menggunakan sehingga jumlah Had Kredit tersedia (sekiranya tiada had kredit berasingan diberikan kepada KAD VISA/MASTERCARD tambahan), atau sehingga keseluruhan jumlah Had Kredit yang diberikan ke atas KAD VISA/MASTERCARD tambahan (sekiranya had kredit berasingan diberikan) selepas Tarikh Penyata selagi caj-caj agregat ke atas Ahli Kad utama dan tambahan KAD VISA/MASTERCARD tidak melebihi Had Kredit;
- 13.7 Sebarang pembatalan KAD VISA/MASTERCARD tambahan tidak akan memberi kesan atau mempengaruhi atau membatalkan penggunaan KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad utama. Walau bagaimanapun, pembatalan KAD VISA/MASTERCARD utama akan menyebabkan pembatalan secara automatik kepada mana-mana KAD VISA/MASTERCARD tambahan di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad utama.

#### **14. TRANSAKSI-TRANSAKSI LUAR NEGARA**

- 14.1 Ahli Kad boleh menggunakan KAD VISA/MASTERCARD di luar Malaysia, di mana-mana Pedagang-pedagang yang Dibenarkan dan/atau di Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan;
- 14.2 Ahli Kad boleh menggunakan KAD VISA/MASTERCARD untuk Pendahuluan Tunai di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD melalui ATM yang ditetapkan yang dipasang di mana-mana negara sepertimana yang diluluskan oleh pihak Bank dan/atau ahli kepada institusi Visa International dan/atau MasterCard International dari semasa ke semasa;
- 14.3 Transaksi mata wang asing akan ditukarkan kepada Dolar AS melalui Visa International atau MasterCard International sebelum Dolar AS kemudiannya ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh Transaksi dicatatkan ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD Ahli Kad pada kadar tukaran dan caj yang ditentukan oleh Visa International atau MasterCard International dan akan termasuk 1% tukaran asing yang dikenakan oleh pihak Bank;
- 14.4 Semua transaksi antara negara dibuat oleh Ahli Kad tidak boleh melanggar undang-undang sedia ada negara di mana transaksi tersebut dibuat. Di mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah mematuhi Pentadbiran Pertukaran Mata Wang Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan bertanggungjawab ke atas sebarang pelanggaran peraturan itu, termasuk sebarang pindaan terhadapnya.

#### **15. LIABILITI AHLI KAD**

- 15.1 Ahli Kad bersetuju dan mengaku janji untuk mengambil semua langkah berjaga-jaga dan kawalan yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian KAD VISA/MASTERCARD dan hendaklah memaklumkan dengan serta-merta kepada Pusat Kualiti Perkhidmatan & Perhubungan (dalam keadaan jika berlakunya kehilangan dan kecurian di Malaysia) atau mana-mana ahli institusi Visa International atau MasterCard International (dalam keadaan jika kehilangan dan kecurian berlaku di luar negara) tentang kehilangan dan kecurian KAD VISA/MASTERCARD. Ahli Kad memahami dengan sepenuhnya bahawa kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan kawalan yang munasabah terhadap KAD VISA/MASTERCARDnya boleh mendedahkan beliau kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan KAD VISA/MASTERCARD yang tidak dibenarkan;
- 15.2 Ahli Kad hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan serta-merta apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran transaksi jika transaksi tersebut dibuat tanpa kebenaran;
- 15.3 Pemberitahuan dalam Klausula 15.1 dan 15.2 hendaklah dibuat melalui telefon, pos atau transmisi faksimili atau mel elektronik diikuti oleh laporan polis (dimana berkenaan);
- 15.4 Sehingga notis pemberitahuan sama ada melalui telefon atau pengesahan bertulis yang dirujuk di dalam Klausula 15.3 diterima oleh Pusat Kualiti Perkhidmatan & Perhubungan, Ahli Kad hendaklah tetap bertanggungjawab terhadap kesemua caj dan transaksi yang berlaku terhadap KAD VISA/MASTERCARD, sama ada caj atau transaksi itu berlaku dengan pengetahuannya atau kebenarannya;
- 15.5 Di mana penyiasatan mendedahkan bahawa Ahli Kad terlibat atau telah menyumbang kepada kerugian yang disebabkan oleh mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas semua caj dan transaksi yang dilakukan, sama ada sebelum atau selepas penerimaan laporan polis yang dinyatakan dalam Klausula 15.3 oleh pihak Bank;
- 15.6 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas Transaksi Runcit tidak dibenarkan yang memerlukan PIN, pengesahan tandatangan atau penggunaan KAD VISA/MASTERCARD tanpa sentuh sekiranya Ahli Kad telah:

- 15.6.1 melakukan penipuan;
  - 15.6.2 lewat dalam memaklumkan pihak Bank secepat mungkin selepas mengetahui akan kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran KAD VISA/MASTERCARD;
  - 15.6.3 secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
  - 15.6.4 merekodkan PIN di atas KAD VISA/MASTERCARD, atau pada apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan KAD VISA/MASTERCARD;
  - 15.6.5 meninggalkan KAD VISA/MASTERCARD atau barang yang mengandungi KAD VISA/MASTERCARD tanpa sebarang pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
  - 15.6.6 secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan KAD VISA/MASTERCARD.
- 15.7 Bank mungkin dari semasa ke semasa memberikan kemas kini atau kandungan terkini bertujuan mendidik Pemegang Kad dan mewujudkan kesedaran bagi membantu mencegah atau mengurangkan risiko pemalsuan dan penipuan. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada tips keselamatan, kemas kini perisian/sistem operasi/aplikasi/versi, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.
- 15.8 Pemegang Kad hendaklah menyimpan semua instrumen perbankan dengan selamat. Antaranya seperti token keselamatan, KAD VISA/MASTERCARD, PIN, kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pemegang Kad hendaklah memberitahu Bank dengan segera apabila Pemegang Kad menyedari bahawa mana-mana perkara di atas hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau tidak mendapat kebenaran yang sewajarnya.
- 15.9 Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad tentang kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad dikehendaki memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi untuk memudahkan siasatan. Bank boleh mengambil langkah berikut dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan semasa Bank menjalankan penyiasatannya:
- 15.9.1 menamatkan KAD VISA/MASTERCARD yang terjejas
- 15.10 Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah berikut apabila kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pemegang Kad) untuk mencegah, menghentikan atau mengurangkan kerugian kewangan semasa Bank menjalankan siasatan dan Pemegang Kad akan dimaklumkan sebaik sahaja langkah-langkah berikut telah dilakukan:
- 15.10.1 menggantung atau membekukan Akaun KAD VISA/MASTERCARD yang terjejas
  - 15.10.2 membatalkan atau memberhentikan seketika akses internet atau perbankan mudah alih Pemegang Kad; dan/atau
  - 15.10.3 membatalkan kesahihan instrumen perbankan

## **16. KEMUNGKIRAN**

- 16.1 Pihak Bank boleh mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu tetapi tanpa memberikan sebarang alasan untuk membatalkan, menarik balik dan/atau tidak memperbaharui KAD VISA/MASTERCARD setelah tamat Tempoh Sah atau menggantung atau menyekat penggunaan KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad dan mana-mana KAD VISA/MASTERCARD Tambahan di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD beliau di mana segala wang yang terhutang kepada pihak Bank di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARD beliau akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan segera sepenuhnya apabila berlakunya mana-mana keadaan berikut:
- 16.1.1 jika Ahli Kad ingkar dalam pembayaran apa-apa wang yang dijanjikan untuk dibayar mengikut cara yang diperuntukkan di sini atau gagal untuk membayar mengikut terma-terma di sini; atau
  - 16.1.2 jika Ahli Kad melebihi Had Kredit yang ditetapkan oleh pihak Bank; atau
  - 16.1.3 jika Ahli Kad melanggar mana-mana terma Perjanjian ini dalam apa jua cara sekalipun; atau
  - 16.1.4 jika Ahli Kad meninggal dunia atau melakukan kesalahan di bawah Akta Kebankrapan atau membenarkan Penghakiman kekal ke atasnya melebihi dua puluh satu (21) hari kalendar; atau
  - 16.1.5 jika perlaksanaan secara distres, penahanan atau prosiding undang-undang lain dilevi,



*dikuatkuasa atau diambil ke atas harta-harta Ahli Kad dan tidak dilepaskan atau ditangguhkan dalam masa tujuh (7) hari; atau*

- 16.1.6 *jika pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya memutuskan bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah atau telah menjadi buruk dan/atau Ahli Kad tidak berupaya lagi untuk memenuhi terma-terma Perjanjian ini; atau*
- 16.1.7 *jika Ahli Kad memutuskan untuk menyertai program pengurusan hutang di bawah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), atau mana-mana pihak berkuasa/organisasi berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa, pihak Bank secara mutlak berhak untuk membatalkan dan/atau menarik balik dan/atau membuat perubahan kepada perkhidmatan Kad Kredit Ahli Kad.*

162 *Tertakluk kepada peruntukan dalam Klausa 20, mengenai penamatan Perjanjian ini atau apabila penggunaan KAD VISA/MASTERCARD digantung atau dihadkan menurut peruntukan-peruntukan di dalam ini, semua wang yang terhutang oleh Ahli Kad kepada pihak Bank termasuk keseluruhan baki tertunggak dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD bersama-sama dengan jumlah yang terhutang di bawah semua transaksi yang dilaksanakan (sama ada sebelum atau selepas penamatan Perjanjian ini atau penggantungan/sekatan penggunaan KAD VISA/MASTERCARD) tetapi masih belum dimasukkan ke Akaun KAD VISA/MASTERCARD dan mana-mana ansuran tertunggak yang belum matang tetapi menjadi tanggungjawab Ahli Kad akibat daripada sebarang pesanan pos atau telefon atau Internet yang dibuat atau didakwa dibuat oleh Ahli Kad di premis pedagang untuk bekalan barang atau perkhidmatan yang dicajkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD akan menjadi perlu dibayar serta merta sepenuhnya kepada pihak Bank tidak kira sama ada tuntutan telah atau belum dibuat oleh pihak Bank atau peguamcaranya dengan sepenuhnya atau sebahagian seperti mana yang dikehendaki oleh pihak Bank. Peruntukan-peruntukan dalam Klausa 12.3, 12.4 dan 12.6 akan terpakai walaupun pihak Bank atau peguamcaranya boleh menuntun pembayaran keseluruhan baki tertunggak dan/atau hubungan di antara pihak Bank dan Ahli Kad telah tamat dengan apa jua sebab sekalipun.*

163 *Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa butiran untuk mana-mana KAD VISA/MASTERCARD yang telah dibatalkan atau ditarik balik boleh diletakkan dalam satu senarai yang dinamakan "Senarai Pembatalan" yang boleh diedarkan oleh pihak Bank kepada semua Pedagang-pedagang yang Dibenarkan dan/atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan dan/atau semua cawangan pihak Bank.*

## **17. PENGECUALIAN LIABILITI**

- 17.1 *Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam apa jua keadaan sekalipun di atas kerosakan atau kerugian yang dialami oleh Ahli Kad termasuk kerugian reputasi atau keaiban:*
- 17.1.1 *berkaitan dengan sebarang perwakilan atau implikasi yang mungkin timbul daripada: (a) sebarang pembatalan atau keengganan pihak Bank untuk memperbaharui KAD VISA/MASTERCARD;*
- (a) *Sebarang pembatalan atau keengganan di pihak Bank untuk memperbaharui Kad Kredit VISA/MASTERCARD; dan/atau*
- (b) *sebarang penggantungan atau tindakan menghadkan yang dikenakan oleh pihak Bank di atas penggunaan KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad;*
- (c) *pengedaran butiran Ahli KAD VISA/MASTERCARD di dalam Senarai Pembatalan yang dirujuk dalam Klausa 16.3;*
- (d) *penarikan balik sebarang manfaat atau keistimewaan yang diberi kepada Ahli Kad di bawah KAD VISA/MASTERCARD.*
- 17.1.2 *sehubungan dengan sebarang tindakan atau ketinggalan Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan, walau atas apa jua sebab sekalipun;*
- 17.1.3 *disebabkan sebarang penahanan KAD VISA/MASTERCARD dan/atau keengganan oleh mana-mana Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan untuk membenarkan penggunaan KAD VISA/MASTERCARD;*

17.1.4 sehubungan dengan sebarang kenyataan, perwakilan atau komunikasi yang dibuat oleh mana-mana Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan;

17.1.5 akibat kecacatan atau kekurangan pada barang-barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan.

172 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami termasuk kerugian ekonomi dan kebangkit, walau apa jua sebab sekalipun dan/atau yang timbul oleh sebarang keadaan di luar kawalan pihak Bank atau oleh mogok atau lain-lain pertikaian buruh.

## **18. KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN MANFAAT-MANFAAT AM**

Pihak Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa dengan memberi notis yang mencukupi tanpa memberikan sebarang alasan untuk meminda, mengubahsuai, menyemak, menghad, menambah, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

## **19. HAK UNTUK MENGENAKAN PEMBAYARAN**

19.1 Pembayaran yang diterima daripada Ahli Kad berkaitan dengan Akaun KAD VISA/MASTERCARD akan digunakan dalam atau terhadap pembayaran sebarang faedah yang belum dijelaskan, caj, fi dan kos undang-undang dan selepas itu ke atas transaksi-transaksi yang dibuat menggunakan KAD VISA/MASTERCARD;

19.2 Walaupun terdapat peruntukan di dalam Klausula 19.1, sebarang pembayaran yang diterima daripada Ahli Kad boleh digunakan dengan cara yang dianggap sesuai mengikut budi bicara mutlak pihak Bank. Sebarang pembayaran yang diterima di bawah ini boleh ditempatkan dan disimpan sebagai kredit dalam akaun tertanggung selama mana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank tanpa sebarang kewajipan pada waktu itu untuk menggunakan pembayaran tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dalam atau terhadap pelepasan sebarang wang atau liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad;

19.3 Walaupun terdapat sebarang pembayaran sepertimana yang dijelaskan dalam Klausula 19.2, sekiranya terdapat sebarang prosiding atau seumpamanya dalam tindakan kebangkrutan atau insolvensi terhadap Ahli Kad, pembayaran yang dibuat oleh Ahli Kad untuk baki tertunggak akan digunakan untuk menyelesaikan faedah yang tertinggi dahulu hingga ke terendah.

## **20. HAK PENOLAKAN DAN PENYATUAN**

20.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak umum untuk tolak selesai yang diberikan oleh undang-undang atau di bawah mana-mana perjanjian lain, Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh mengikut budi bicara mutlak, pada bila-bila masa, membuat permintaan untuk, menggabungkan atau menyatukan baki tertunggak dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan semua atau mana-mana akaun sedia ada Ahli Kad dengan Bank di Malaysia atau di tempat lain (sama ada semasa, deposit, pinjaman atau apa-apa bentuk lain sama ada tertakluk kepada notis atau tidak dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain) dan kuasa kepada pihak Bank untuk, dengan memberi notis terlebih dahulu, menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang ada untuk kredit mana-mana atau lebih daripada apa-apa akaun dalam atau bagi sebarang jumlah yang terhutang dan kena dibayar kepada pihak Bank oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini;

20.2 Sekiranya penggabungan, penyatuan, tolakan atau pemindahan sedemikian memerlukan penukaran satu matawang kepada matawang yang lain, penukaran tersebut hendaklah dikira pada kadar tukaran pihak Bank yang terpakai pada masa tersebut yang mana ia akan ditentukan oleh pihak Bank atas budi bicaranya sendiri.

## **21. UNDANG-UNDANG**

21.1 Perjanjian di antara pihak Bank dan Ahli Kad ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-

*undang Malaysia walau di mana sekalipun transaksi tersebut berlaku;*

- 21.2 Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk menerima bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Malaya di Kuala Lumpur di mana terletaknya ibu pejabat pihak Bank.

## **22. PELEPASAN HAK**

*Masa akan menjadi intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan dalam melaksanakan dan kelewatan pihak Bank dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak bertindak sebagai suatu pelepasan hak, begitu juga sebarang pelaksanaan sesuatu atau sebahagian hak, kuasa, keistimewaan atau remedi hendaklah tidak mengecualikan atau menghalang sebarang pelaksanaan yang lain atau seterusnya atau pelaksanaan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak-hak dan remedi-remedi yang diperuntukkan di sini adalah terkumpul dan bukannya eksklusif terhadap mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.*

## **23. PENGEKALAN HAK-HAK DAN KELAYAKAN**

*Walaupun terdapat sebarang peruntukan dalam Perjanjian ini, hak-hak dan kepunyaan pihak Bank di bawah Perjanjian ini akan terus kekal berkuatkuasa secara penuh dan berkesan dan hendaklah terus wujud walaupun berlaku sebarang pembatalan, penarikan balik atau penggantungan KAD VISA/MASTERCARD oleh pihak Bank atau penamatan hubungan Bank dan Pelanggan di antara pihak Bank dan Ahli Kad.*

## **24. KEPELBAGAIAN**

- 24.1 Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah kepada, memotong atau meminda kadar, fi, caj dan juga mana-mana terma dan syarat ini, tidak disebut secara khusus di dalam ini, dengan memaklumkan Ahli Kad tentang perubahan itu dengan memberi notis yang mencukupi melalui penyata bulanan atau secara elektronik atau sebaliknya;
- 24.2 Maklumat dalam Klausula 24.1 tersebut boleh dibuat oleh pihak Bank dalam Penyata Akaun melalui elektronik dan/ atau secara bertulis dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal kepada Ahli Kad sebelum sebarang perubahan;
- 24.3 Sebarang perubahan yang dirujuk dalam Klausula 24.1, penahanan atau penggunaan KAD VISA/MASTERCARD dengan memberi notis yang mencukupi sebelum tarikh pelaksanaan;
- 24.4 Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta menyerahkan KAD VISA/MASTERCARD kepada pihak Bank, dengan menebuk lubang dan memotong separuh merentangi kedua-dua cip SMART dan jalur magnetik, dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Ahli Kad dianggap telah menerima perubahan tersebut. Setelah penyerahan kembali KAD VISA/MASTERCARD oleh Ahli Kad, kesemua wang yang terhutang kepada pihak Bank oleh Ahli Kad di bawah Akaun KAD VISA/MASTERCARDnya akan tetap tertunggak dan kena dibayar dan dalam keadaan ini Ahli Kad perlu menjelaskan dengan serta-merta Akaun KAD VISA/MASTERCARD apabila dituntut oleh pihak Bank (perlaksanaan hak tuntutan oleh pihak Bank adalah di atas budi bicara mutlak pihak Bank) untuk menyelesaikan Akaun KAD VISA/MASTERCARDnya.

## **25. NOTIS**

- 25.1 Ahli Kad dikehendaki dengan segera dan tanpa sebarang kelengahan memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang pertukaran alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan dan tanpa prasangka terhadap Klausula 10.4 tentang hasratnya untuk meninggalkan Malaysia bagi tempoh tiga puluh (30) hari ke atas;
- 25.2 Sebarang Penyata Akaun, surat menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar dengan tangan atau melalui telefaks atau pos (berdaftar, berdaftar AR, biasa atau sebaliknya) atau melalui medium elektronik atau sebarang

*cara lain yang dianggap bersesuaian oleh pihak Bank kepada alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui oleh pihak Bank dan penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa pada masa penghantaran atau transmisi melalui telefaks/medium elektronik atau tiga (3) Hari Perniagaan selepas tarikh pengeposan walaupun ia tidak dihantar atau dikembalikan tidak dihantar, mengikut mana-mana yang berkenaan.*

## **26. SERAHAN PROSES TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

*Ahli Kad bersetuju bahawa serahan saman atau mana-mana proses tindakan undang-undang berkenaan dengan sebarang tuntutan sehubungan dengan atau berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah dilaksanakan dengan menyampaikan satu salinan saman tersebut kepada Ahli Kad secara pos berdaftar berbayar kepada alamat Ahli Kad seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan KAD VISA/MASTERCARD atau sebarang alamat lain yang telah dimaklumkan oleh Ahli Kad dan diterima oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan penyampaian tersebut hendaklah dianggap sempurna dan teratur ke atas Ahli Kad selepas tamatnya tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan tanpa mengira jika ianya mungkin dikembali tanpa disampaikan.*

## **27. SIJIL KETERHUTANGAN**

*Suatu sijil yang ditandatangani oleh seorang pegawai pihak Bank berkaitan dengan jumlah wang yang tertunggak dan terhutang oleh Ahli Kad kepada pihak Bank pada satu-satu masa tertentu adalah keterangan konklusif atau bukti terhadap Ahli Kad untuk apa jua tujuan sekalipun termasuk untuk tujuan sebarang prosiding undang-undang, melainkan Ahli Kad dapat membuktikan kesalahan nyata.*

## **28. KEBOLEHASINGAN**

*Mana-mana peruntukan di sini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan membatalkan tujuan Perjanjian ini dan peruntukan yang tidak sah atau yang tidak boleh dikuatkuasakan akan diasingkan dan mana-mana terma dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan kesahihan atau penguatkuasaan terma-terma dan peruntukan-peruntukan lain yang terkandung dalam Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dengan sepenuhnya dan berkesan.*

## **29. PENGGANTIAN PERJANJIAN**

*Semua persetujuan dan persediaan yang terdahulu, jika ada, di antara pihak Bank dan Ahli Kad, baik secara lisan atau bertulis adalah dengan ini dibatalkan dan digantikan dengan Perjanjian ini.*

## **30. PENDEDAHAN**

*30.1 Ahli Kad bersetuju secara mutlak dan memberi kuasa kepada pihak Bank, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat mengenai butiran dan hal ehwal (kewangan atau sebaliknya) Ahli Kad, butiran akaun, hubungan dengan pihak Bank, syarat-syarat perjanjian dan sebarang perihal lain yang berkaitan dengan Ahli Kad atau perniagaan dan operasinya kepada pihak-pihak berikut:*

*30.1.1 Syarikat-syarikat yang berkaitan dengan pihak Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat bersekutu pihak Bank (pihak Bank bersama-sama dengan syarikat-syarikat berkaitan/bersekutu yang dinyatakan terdahulu secara kolektifnya dirujuk sebagai "Kumpulan Alliance Bank") dan pemegang serah hak dan pengganti hak milik syarikat-syarikat tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan-tujuan lain pihak Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank dengan syarat bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilaksanakan sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh Ahli Kad dengan memberi pemberitahuan bertulis kepada pihak Bank;*

*30.1.2 Mana-mana orang untuk atau berkaitan dengan sebarang tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang yang kena bayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank;*

*30.1.3 Badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa percukaian, polis, badan-badan penguatkuasa undang-undang dan mahkamah, kedua-duanya sama ada di dalam dan di luar Malaysia termasuk di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;*

- 30.1.4 Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (jika berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi tersebut yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank Malaysia / Persatuan Bank-Bank Islam di Malaysia;
- 30.1.5 Sistem Pusat Rujukan Maklumat Kredit, Biro Kredit, Agensi pelaporan kredit dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kredit 2010 untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;
- 30.1.6 Akauntan, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau ejen lain pihak Bank yang mungkin diperlukan untuk pelaksanaan fungsi yang sepatutnya, tanggungjawab dan kewajipan kepada pihak Bank dan Kumpulan Alliance Bank;
- 30.1.7 Pembekal perkhidmatan, calon, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Bank dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya untuk menjalankan fungsi dan aktiviti pihak Bank;
- 30.1.8 Pihak luar seperti mana yang dikehendaki oleh mana-mana tatacara korporat / aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh pihak Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- 30.1.9 Mana-mana pihak yang pada masa depan yang boleh menyatakan hasrat untuk mengambil alih kepentingan/pegangan saham dalam Bank menurut sebarang cadangan pengatur, komposisi, penggabungan, pemerolehan/penstrukturan semula di antara pihak Bank dan pihak-pihak tersebut.
- 302 Ahli Kad dengan ini bersetuju secara tidak boleh dibatalkan terhadap pendedahan maklumat tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kerana memberikan maklumat tersebut walaupun terdapat sebarang salah nyata, kesilapan, ketinggalan, kelewatan atau apa jua perkara yang berkaitan dengannya;
- 303 Mana-mana rakan niaga atau pertubuhan yang menerima Kad Kredit VISA/MasterCard, VISA International atau MasterCard International atau penggantinya, mana-mana ahli institusi VISA International dan/atau MasterCard International dan/atau mana-mana pihak lain yang berminat untuk memudahkan penggunaan KAD Kredit VISA/MasterCard atau pemprosesan sebarang transaksi yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan melalui penggunaan Kad kredit atau apa-apa penyiasatan yang berhubungan dengan sebarang tuntutan penggunaan atau berupa penggunaan atau penyalahgunaan Kad kredit;
- 304 Pihak memberi jaminan/penjamin atau mana-mana pihak yang menyediakan jaminan berkenaan dengan Kemudahan VISA/MasterCard dan KAD VISA/MASTERCARD.

### **31. PERLANTIKAN EJEN-EJEN**

- 31.1 Dalam melaksanakan dan tidak mengurangkan hak-haknya di bawah Perjanjian ini, pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlak, dengan memberi notis kepada Ahli Kad, melantik dan membenarkan seorang ejen dan/atau sebuah agensi kutipan hutang yang dipilih oleh pihak Bank dan bagi pihaknya untuk tujuan mendapatkan semula sebarang atau kesemua wang tertunggak dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini;
- 31.2 Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa pihak Bank dan/atau pegawai-pegawainya dibenarkan dengan sepenuhnya untuk mendedahkan maklumat mengenai Ahli Kad dan/atau Akaun KAD VISA/MASTERCARD beliau kepada mana-mana ejen tersebut dan/atau agensi kutipan hutang yang dilantik di bawah Klausula 31.1 untuk tujuan menuntut kembali sebarang atau kesemua wang yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini.

### **32. PERTIKAIAN**

- 32.1 Ahli Kad hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap semua barangan dan/atau perkhidmatan yang dicajkan kepada KAD VISA/MASTERCARD dengan Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan secara terus dan bukan melalui pihak

*Bank. Ahli Kad dengan ini mengaku janji untuk tidak melibatkan pihak Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang tersebut;*

- 32.2 *Sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang mungkin dibuat oleh Ahli Kad terhadap Pedagang yang Dibenarkan atau Pusat-pusat Pengeluaran Tunai yang Dibenarkan tidak akan melepaskan Ahli Kad daripada tanggungjawabnya untuk membayar jumlah yang terakru di bawah Perjanjian ini kepada pihak Bank.*

### **33. INGKAR BALAS**

*Walaupun terdapat sebarang peruntukan di sini, sekiranya Ahli Kad melanggar sebarang Terma dan Syarat atau dalam mana-mana Perjanjian lain dengan pihak Bank sama ada untuk kegunaan mana-mana kad kredit lain yang dikeluarkan oleh pihak Bank atau mana-mana kemudahan perbankan/kredit, pihak Bank boleh, dengan budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis terdahulu kepada Ahli Kad, menamatkan Perjanjian ini dengan Ahli Kad di mana segala wang yang terhutang kepada pihak Bank oleh Ahli Kad dengan serta merta menjadi tertunggak dan kena dibayar. Sekiranya Ahli Kad mengalami kesukaran untuk menyelesaikan jumlah sepenuhnya, pihak Bank pada budi bicara mutlaknyanya mempertimbangkan pilihan jadual pembayaran yang akan disediakan kepada Ahli Kad.*

### **34. ARAHAN MELALUI TELEKOMUNIKASI**

- 34.1 *Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini, pihak Bank diberi kuasa untuk bertindak atas arahan Ahli Kad yang diberikan melalui telefon, transmisi faksimili, atau cara telekomunikasi lain yang mana pihak Bank percaya dengan tanpa prejudis dihantar oleh Ahli Kad berkenaan dengan semua perkara yang berkaitan dengan Ahli Kad dan/atau KAD VISA/MASTERCARD yang digunakan oleh Ahli Kad;*
- 34.2 *Pihak Bank akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti seseorang individu atau individu-individu yang memberikan arahan-arahan telekomunikasi yang dirujuk dalam Klausula 34.1 atas nama Ahli Kad dan Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Ahli Kad dalam keadaan di mana arahan-arahan telekomunikasi tersebut datangnyanya dari individu lain dan bukannya Ahli Kad;*
- 34.3 *Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Ahli Kad mengaku janji untuk menanggung kerugian pihak Bank sepenuhnya dan melindungi pihak Bank sepenuhnya terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk sekalipun yang mungkin dialami atau ditanggung oleh pihak Bank, akibat daripada pihak Bank bersetuju untuk bertindak mengikut arahan telekomunikasi seperti dirujuk dalam Klausula ini, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya atau keingkaran sengaja oleh pihak Bank (mengikut mana-mana yang berkenaan).*

### **35. TANGGUNG RUGI**

*Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Ahli Kad mengaku janji untuk memastikan pihak Bank tidak dipertanggungjawabkan dan menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan guaman atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh pihak Bank dalam menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini, sekiranya Ahli Kad melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini.*

### **36. FORCE MAJEURE**

*Tanpa prasangka terhadap mana-mana peruntukan di bawah Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju untuk tidak menyebabkan pihak Bank bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak berupaya untuk melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini, disebabkan secara*

langsung atau tidak langsung oleh sebarang kegagalan mekanikal atau peralatan elektronik, sistem pemprosesan data, sambungan transmisi, kegagalan elektrik, pertikaian perindustrian, sebarang tindakan yang di luar kawalan pihak Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam bentuk force majeure. Sekiranya pihak bank tidak berupaya untuk menyediakan Penyata Akaun kepada Ahli Kad mengikut Klausula 8 ini untuk sebarang tempoh masa, liabiliti Ahli Kad untuk Caj Kewangan dan caj-caj lain hendaklah terus terakru dan untuk tujuan pengiraan faedah yang kena dibayar kepada pihak Bank atau menentukan tarikh yang mana caj, faedah dan wang pokok kena dibayar, pihak Bank boleh memilih mana-mana hari dalam sesuatu bulan sebagai Tarikh Penyata bagi Penyata Akaun.

### **37. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL AKTIVITI HARAM 2001**

Ahli Kad mewakili dan memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa Akaun KAD VISA/MASTERCARD dan KAD VISA/MASTERCARD tidak akan digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan Ahli Kad akan dengan segera memaklumkan pihak Bank sekiranya Ahli Kad mengesyaki bahawa dana yang dikreditkan ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD adalah dari aktiviti menyalahi undang-undang. Ahli Kad hendaklah pada setiap masa mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Wang Asing, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan undang-undang cukai) bidang kuasa, mengikat atau berkenaan dengan Ahli Kad.

### **38. PENUKARAN PERBADANAN**

Terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini akan kekal sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun terdapat sebarang perubahan dalam pemerbadanan pihak Bank dan/atau Ahli Kad, jika sebuah perbadanan, melalui penyatuan, penyusunan semula, penggabungan atau sebaliknya, dan jika melibatkan individu, melalui kematian.

### **39. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT LAIN**

- 39.1 Terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini adalah sebagai tambahan dan bukan pengurangan sebarang perjanjian tertentu atau persediaan yang sedia ada di antara pihak Bank dan Ahli Kad atau sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang mungkin dinyatakan dalam sebarang surat tawaran dan/atau dalam sebarang notis bertulis lain yang diberikan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa;
- 39.2 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat sebarang surat tawaran atau notis bertulis yang dirujuk dalam Klausula 39.1 dengan peruntukan-peruntukan di sini, peruntukan-peruntukan dalam surat tawaran atau notis bertulis akan diguna pakai.

### **40. IKATAN PENGGANTI**

Perjanjian ini akan mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti dalam hakmilik dan penerima serah haknya daripada pihak-pihak di sini.

### **41. RINGKASAN ANTI-RASUAH DAN KORUPSI**

- 41.1 Pihak Bank menetap dan memelihara dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh Bank dengan pengarah bank, pegawai, atau pekerja bank; dan dari pengetahuan pihak Bank, baik mahupun pengarah, pegawai, atau pekerja Bank yang telah melakukan aktiviti atau kelakuan yang akan melanggar undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau korupsi yang berlaku untuk pihak Bank. Pihak Bank berjanji bahawa tidak akan melaksanakan kegiatan bisnisnya, berjanji, memberi kebenaran, meratifikasi atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil tindakan apa pun untuk melanjutkan pembayaran, sumbangan, hadiah, penggantian pembayaran atau pemindahan lain apa-apa nilai, atau permintaan, secara langsung atau tidak langsung terhadap mana-mana individu;

41.2 Dalam perjanjian ini, Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa telah diberitahu mengenai ringkasan dasar anti-rasuah dan korupsi Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Korupsi-Ringkasan-of-Policy.aspx> dan perjanjian-perjanjian selanjutnya / berjanji bahawa Ahli Kad tidak akan melakukan amalan rasuah sedemikian dengan cara apa pun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.